



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM LITERASI STATISTIK BERSAMA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS JOHOR

KLUANG, 3 DISEMBER 2023 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Johor telah menganjurkan **Program Literasi Statistik bersama Pelajar Sekolah Menengah Sains Johor** bersempena **Sambutan Hari Statistik (HSN) 2023 Peringkat Negeri Johor dan Promosi Banci Pertanian 2024 di Sekolah Menengah Sains Johor, Kluang.** Antara tetamu kehormat yang hadir adalah **YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia**, Puan Unaizah binti Mohd Attas, Pengetua Sekolah Menengah Sains Johor, Puan Mazreha binti Ya'akub, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor dan Encik Sahnizam bin Miswan, Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Menengah Sains Johor. Selain itu, ia turut dihadiri oleh sekitar 400 orang pelajar serta guru Sekolah Menengah Sains Johor.

Penganjuran program ini selaras dengan peranan DOSM sebagai agensi utama dalam mengumpul maklumat statistik yang komprehensif dan relevan. Penyebaran dan komunikasi statistik di pelbagai peringkat adalah penting selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan dan Teras Memperkasa Peranan Statistik iaitu Mengukuhkan Kesedaran, Kefahaman dan Penggunaan Statistik dalam Membuat Keputusan. Justeru itu, program sebegini sudah pastinya akan dapat memperluas promosi dan melestarikan statistik di kalangan guru dan pelajar sekolah.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program sambutan tersebut antaranya *Fit DOSM* dan Senamrobik bersama Pelajar Menengah Rendah Sekolah Menengah Sains Johor, *Corporate Social Responsibility (CSR)* menanam pokok dan mengecat Lanskap Laman Asrama Putera serta sesi Literasi Statistik bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Pameran dan penerangan produk jabatan juga diadakan bagi memberi kefahaman yang lebih terperinci kepada guru dan pelajar sekolah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, statistik memperihalkan sesuatu perkara secara saintifik. Justeru, pelajar digalakkan mempelajari ilmu statistik dari peringkat awal agar dapat dijadikan panduan bagi membuat keputusan dalam kehidupan seharian yang seterusnya memberikan kesan

positif pada kehidupan dan karier di masa hadapan.

Beliau memaklumkan pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah kaedah untuk mengumpul, memproses dan menyebarkan data tentang struktur pertanian, meliputi keseluruhan atau sebahagian besar sesebuah negara. Selain itu, beliau menceritakan tentang Sambutan Hari Statistik Negara yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun bagi meraikan pengamal Statistik di Malaysia.

Beliau turut menyeru semua pelajar supaya sentiasa menggilap potensi diri dan mengamalkan ilmu yang diperolehi. Amalan ilmu yang baik akan menjadikan adab dan akhlak seseorang itu mulia, bersopan santun, berbudi pekerti dan amanah. Pelajar juga perlu saling membantu pelajar yang lain agar kejayaan dapat dicapai secara kolektif dan bersama-sama berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Pelajar juga diingatkan bahawa perkara yang amat bernilai dalam hidup ialah masa. Bila kita kehilangan dan tidak menghargai masa bermakna kita gagal menggunakan peluang yang ada pada kita. kita akan sukar untuk mencapai kecemerlangam pada masa depan. Masa yang lepas tidak akan kembali kepada kita. Justeru, kita perlu memaksimumkan setiap saat kita untuk mencapai potensi diri. Beliau berharap nasihat dan panduan ini dapat membina sahsiah pelajar agar mereka dapat menyumbangkan pengetahuan mereka kembali kepada bangsa dan juga negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Negeri Johor

03 Disember 2023



YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia Bersama Guru-guru dan Pelajar Peringkat Menengah Rendah Sekolah Menengah Sains Johor setelah sesi *Corporate Social Responsibility* (CSR) di Asrama Putera sekolah tersebut.





Sesi Literasi Statistik oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia Bersama pelajar peringkat Menengah Rendah di Dewan Karyawan, Sekolah Menengah Sains Johor.

Sesi Literasi Statistik di Sekolah Menengah Sains Johor





Sesi Literasi Statistik di Sekolah Menengah Sains Johor